

15 OCT 2003

OIC-Perniagaan

FORUM PERNIAGAAN JADI TUMPUAN SIDANG KEMUNCAK OIC KE-10

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Isu-isu ekonomi yang memberikan kesan terhadap dunia Islam menjadi tumpuan utama Forum Perniagaan di sini pada Rabu, yang disentuh dalam ucapan beberapa pemimpin terkemuka Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Globalisasi, strategi bagi pertumbuhan ekonomi, mempromosikan perdagangan antara negara-negara OIC dan pelaburan merupakan antara isu yang akan dibincangkan dalam Forum Perniagaan itu.

Forum itu dianjurkan oleh Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) sempena Sidang Kemuncak OIC ke-10.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden Pakistan Pervez Musharraf, Presiden Sudan Omer Hassan Ahmed El-Bashir, Perdana Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia dan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri dijangka berucap pada forum berkenaan.

Forum itu bermula dengan kata-kata aluan oleh Pengerusi ASLI Mirzan Mahathir.

Dalam ucapan perasmianya, Setiausaha Agung OIC Dr Abdelouahed Belkeziz menggesa peningkatan perdagangan antara negara-negara dalam perkumpulan Islam itu.

Forum itu turut memberikan tumpuan kepada usaha-usaha Malaysia dalam menjalin kerjasama ekonomi yang erat di kalangan negara-negara Islam.

Malaysia, yang dilihat sebagai model pembangunan ekonomi dalam dunia Islam, telah meletakkan isu-isu politik dan ekonomi dalam agenda OIC.

Kebanyakan negara Islam bersetuju bahawa mereka perlu mencari penyelesaian bersama terhadap pembangunan ekonomi yang lemah di kalangan masyarakat mereka.

Forum Perniagaan OIC itu juga dijangka menyediakan peluang yang luas ke arah menjalin hubungan dengan eksekutif perniagaan antarabangsa dan pemimpin-pemimpin politik terkemuka.

-- BERNAMA

SKH MKO ROS